

# Majikan tanggung kos bersalin RM1.57b

KUALA LUMPUR 21 April – Majikan Malaysia membelanjakan kira-kira RM1.57 bilion setahun untuk cuti bersalin 60 hari kepada kakitangan wanita, demikian seminar mengenai persamaan gender di sini diberitahu hari ini.

Naib Presiden Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) A.Ramadass dalam kertasnya mengenai perlindungan bersalin dan tolak ansur kerja dan tanggungjawab keluarga, berkata kajian MEF menunjukkan bahawa jumlah kos bagi setiap kakitangan adalah sekitar RM7,500 setiap kali bersalin, terdiri daripada RM3,000 gaji dan RM4,500 elaun lebih masa.

Beliau berkata, di bawah undang-undang yang wujud, majikan menanggung kos ini hingga lima

anak yang hidup.

Seminar dua hari anjuran Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dihadiri oleh kira-kira 50 peserta dari pelbagai agensi kerajaan, Kesatuan Sekerja dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Ramadass berkata, kos itu akan meningkat ke RM2 bilion jika bilangan cuti bersalin ditambah ke 84 hari seperti di Singapura.

Beliau bagaimanapun menyatakan, di Singapura bagi dua kes bersalin pertama, majikan membayar untuk lapan minggu pertama dan tambahan empat minggu ditanggung oleh kerajaan.

Bagi kes bersalin ketiga dan ke-

empat, kerajaan membayar penuh percutian bersalin 12 minggu.

Sementara itu, seorang pakar penyusuan, Nor Kamariah Mohamad Alwi, memberitahu seminar bahawa susu ibu adalah sumber unik pemakanan, perlindungan imuniti yang tidak terkira dan cara semula jadi membina generasi masa depan. Beliau berkata, penyusuan ibu juga memberi faedah kesihatan signifikan kepada ibu dan manfaat ekonomi besar dari segi kos makanan. Nor Kamariah berkata Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memperakukan penyusuan ibu yang eksklusif untuk enam bulan pertama dan selepas itu diteruskan hingga dua tahun disertai makanan pelengkap. - BERNAMA